

---

## SIARAN MEDIA

### TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN MENOLAK RAYUAN PROMPT DYNAMICS SDN BHD

KUALA LUMPUR, 3 Mac 2017 – Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan Prompt Dynamics Sdn Bhd (Perayu) setelah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendapati salah satu Operator Depot Kontena telah terlibat dalam penetapan harga yang telah melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010.

Siasatan bermula setelah aduan diterima yang mendakwa bahawa beberapa Operator Depot Kontena di Pulau Pinang telah mengeluarkan notis dan risalah untuk memaklumkan mengenai peningkatan Caj Pagar Depot daripada RM5 kepada RM25.

Tiga anggota panel TRP yang terdiri daripada Dato' Seri Azhar @ Izhar Ma'ah, Datuk Merlyn Kasimir dan Tan Sri Datuk Amar Wilson Baya Dandot, telah mendapati bahawa tiada alasan untuk TRP mengganggu keputusan MyCC dalam mengenakan hukuman maksimum terhadap Perayu.

Menurut TRP, Perayu tidak memanfaatkan remedi yang diperuntukkan di bawah Akta Persaingan 2010 bagi mengurangkan penalti kewangan yang telah dikenakan.

Oleh itu, TRP dengan sebulat suara mengekalkan penalti kewangan sebanyak RM152,042.00 yang dikenakan oleh MyCC terhadap Perayu.

--tamat--

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Tel +603 2273 2277

Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)